

Malaysia kuasai

KUANTAN 25 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia telah mendahului lain-lain negara membangun di rantau ini dari segi eksport barangan berteknologi tinggi.

Beliau berkata, perkembangan tersebut jelas mencerminkan keupayaan Malaysia yang telah dapat menguasai teknologi-teknologi baru.

Menurut Perdana Menteri, dalam tempoh 10 tahun sahaja Malaysia telah berubah daripada

menjadi pengeksport bahan mentah kepada pengeksport bahan nilai ditambah.

"Sekarang Malaysia telah menjadi pengeksport barangan buatan berteknologi tinggi pula," katanya ketika berucap pada upacara perasmian Kompleks Loji Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE/Propylene) dan Polypropylene di sini pagi ini.

Loji MTBE/Propylene dikendalikan oleh MTBE Malaysia Sdn Berhad (MMSB) iaitu sebuah syarikat usahasama antara Petronas (60 peratus),

Neste Oy dari Finland (30 peratus) dan Idemitsu Petrochemical Co. Ltd. dari Jepun (10 peratus).

Loji Polypropylene pula dikendalikan oleh Polypropylene Malaysia Sdn. Berhad (PPMSB), sebuah syarikat usahasama antara Petronas (55 peratus), Idemitsu Petrochemical Co. Ltd. (85 peratus) dan Neste Oy (10 peratus).

Dr. Mahathir berharap negara ini dari sekarang memberi penekanan kepada industri yang mempunyai nilai ditambah supaya dapat mewujudkan

asas yang kukuh bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Selain itu, katanya, teras rancangan negara ialah untuk mengukuhkan asas teknologi bagi meningkatkan lagi keupayaan dalam negara serta menggalakkan daya saingan di peringkat antarabangsa.

Katanya, sungguhpun negara kini sedang berada di landasan yang sesuai dari segi dasar, penguasaan dan pentadbiran, Malaysia bagaimanapun perlu melipatgandakan usaha-usaha untuk me-

teknologi tinggi

nguasai teknologi terpilih supaya ia mampu menjadi lebih kompetitif.

Dr. Mahathir berkata, dalam usaha menjadi sebuah negara maju, Malaysia juga perlu memberi perhatian terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

Perkembangan

Katanya, dengan perkembangan perindustrian dan urbanisasi yang begitu pesat, tekanan terhadap alam sekitar kini mula dirasai.

Keadaan pencemaran

udara ini, jelasnya, semakin meruncing dengan peningkatan bilangan loji-loji industri yang mengeluarkan sisa-sisa kotoran dan memberi kesan buruk terhadap mutu alam sekitar pada masa kini.

Justeru itu, katanya, langkah-langkah yang sesuai harus dipertingkatkan bagi mengimbangi pembangunan dan keperluan memelihara kualiti alam sekitar.

Menurut Perdana Menteri, penubuhan loji MTBE ini adalah sesuai dan tepat pada masanya dalam usaha kerajaan

mengurangi masalah pencemaran udara.

Selain menggantikan plumbum dalam gasolin sebagai *octane booster*, MTBE juga akan meningkatkan mutu gasolin tanpa plumbum yang dijual di negara ini, ujar beliau.

Dengan menggalakkan lebih banyak kenderaan menggunakan gasolin tanpa plumbum dan juga menerusi usaha Petronas menggalakkan penggunaan gas asli untuk kenderaan, mutu udara di kawasan yang banyak lalu lintas terutamanya di bandar-bandar akan

benar-benar dapat dipertingkatkan, tambahnya.

Katanya, pewujudan kompleks ini juga menandakan Malaysia telah melangkah setapak lagi dalam bidang petrokimia.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakub, Pengerusi Petronas, Tan Sri Basir Ismail dan Pengerusi MTBE Malaysia Sdn. Berhad & Polypropylene Malaysia Sdn. Berhad, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.